



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 22 OKTOBER 2025

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PULAU PINANG SEDIA RINTIS PADI RATUN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 9	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
2.	SANTAI BERSAMA SI BULUS, KuBELA, HARIAN METRO, M/S – 33	LAIN-LAIN
3.	PASTIKAN KUCING SIHAT, KuBELA, HARIAN METRO, M/S – 34	
4.	JAGAAN KETAT MUSIM HUJAN, KuBELA, HARIAN METRO, M/S – 35	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	NEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	9

Pulau Pinang sedia rintis padi ratun

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA
utusannews@mediamulia.com.my

GEORGE TOWN: Kerajaan negeri menerusi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) kini sedang menunggu surat perjanjian 'hitam putih' daripada sebuah institusi penyelidikan pertanian utama di wilayah Fujian, China sebelum memulakan projek rintis khas iaitu padi ratun atau 'ratoon rice'.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang, Fahmi Zainol berkata, beliau menjangkakan surat tersebut akan diperoleh dalam masa yang terdekat ini.

"Kerajaan negeri sendiri telah berjumpa dengan MARDI (untuk membincangkan mengenai projek rintis berkenaan) dan mereka masih menunggu surat itu buat masa ini.

"Mungkin dalam masa seminggu ini kita akan dapatkan maklumat atau data mengenai projek tersebut secara lebih ter-



FAHMI ZAINOL

perinci.

"Kita anggarkan juga dalam masa yang terdekat ini juga iaitu selepas MARDI menerima surat 'hitam putih' itu, kita boleh mulakan projek. Mungkin musim (padi) yang akan datang ini kita boleh mula," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow sebelum ini memaklumkan, Pulau Pinang bersedia menjadi negeri perintis untuk pelaksanaan projek teknologi

penanaman padi ratun iaitu sejenis kaedah moden yang membolehkan padi dituai sebanyak dua kali dengan sekali tanaman.


Katanya, tuaian kedua bagi penanaman kali pertama pula hanya mengambil masa 70 hari dan dengan teknologi itu, ia dapat meningkatkan pendapatan pesawah apabila proses tuaian boleh dilakukan sehingga empat kali dalam setahun, iaitu dengan dua kali penanaman.

Fahmi memberitahu, projek padi ratun itu buat masa ini hanya akan dijadikan sebagai projek rintis yang melibatkan penanaman padi di kawasan MARDI di Pinang Tunggal sahaja.

"Kita tidak akan libatkan mana-mana pesawah buat masa ini. Hanya MARDI dan pihak universiti sahaja (Universiti Perhutanan dan Pertanian Fujian atau FAFU).

"Jika projek rintis ini berjaya, barulah kita akan tengok di mana lokasi yang sesuai untuk menjayakan projek ini. Jadi, kita tunggu dulu bagaimana (pelaksanaannya)," ujar beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/10/2025	HARIAN METRO	KUBELA	33



LEBIH 50 kucing pelbagai baka dipelihara Muhammad Shafiq

SANTAI BERSAMA SI BULUS

Muhammad Shafiq sediakan ruang buat pencinta kucing lepas gian dengan pelbagai jenis kucing disediakan

FOKUS

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@mediaprima.com.my

Ramai yang sukakan kucing tetapi disebabkan beberapa kekangan, 'si bulus' tidak dapat dipelihara tinggal bersama. Menetap di kediaman jenis bertingkat contohnya, pihak pengurusan bangunan tidak membenarkan pemeliharaan haiwan peliharaan.

Selain itu, bagi individu yang mempunyai masalah kesihatan kronik seperti

barah, mereka juga tidak digalakkan memelihara si bulus di rumah.

Bagi pencinta kucing, kini ada banyak pilihan untuk melepaskan 'gian' bermain dan melayan kerenah si bulus.

Antaranya dengan mengunjungi premis yang menyediakan ruang untuk seisi keluarga bermain dan bersantai dengan si bulus seperti di Kucing dan Kopi.

Dimiliki oleh Muhammad Shafiq Nasaruddin, 31, premis berkonsepkan haiwan itu terletak di Rasah Prima, Seremban, Negeri

Sembilan.

Bermula dengan atasan hotel dan spa 'grooming' si bulus, ia kini menjadi lokasi tumpuan utama pencinta kucing (yang tidak dapat memelihara haiwan berkenaan) untuk bermain dengan haiwan manja itu.

Muhammad Shafiq berkata, idea membuka ruang santai itu timbul apabila ramai pelanggan datang untuk menghantar kucing mereka untuk grooming, tetapi pada ketika itu, tiada tempat menunggu.



LISA si bulus baka Maine Coon yang jinak dan manja.



BERMULA dengan hotel dan spa 'grooming' si bulus, ia kini menjadi lokasi tumpuan utama pencinta kucing untuk melepaskan keinginan bermain dengan haiwan manja itu.

DARI MUKA 33

PASTIKAN KUCING SIHAT

Ada keluarga hantar ahli keluarga tidak sihat bermesra dengan si bulus

Katanya, daripada situ, timbul idea untuk menyediakan ruang istirahat ala kafe bagi memberi keselesaan kepada pelanggan.

"Pelanggan boleh memberi makan dan bermain dengan 50 kucing pelbagai baka yang ada di sini, selama mana yang mereka suka.

"Antara kucing yang popular dalam kalangan pengunjung ialah 'Lisa' iaitu kucing betina baka 'Maine Coon' seberat enam kilogram," katanya kepada Harian Metro.

Menurut Muhammad Shafiq, premisnya itu bukan sahaja dikunjungi pencinta kucing, malah pesakit barah, orang kurang upaya (OKU) dan keluarga yang dianugerahi anak autisme.

Katanya, mereka menjadikan premisnya itu sebagai pusat terapi untuk bermain dan bermesra dengan si bulus.

"Kami sentiasa mengalu-alukan kedatangan mereka dan turut gembira jika keletah si bulus yang manja serta menculi hati dapat mengembirakan hati semua.

"Tempat ini boleh memuatkan lebih 30 pengunjung pada satu masa dan Alhamdulillah, sejak ia dibuka, kami menerima ramai pengunjung dari dalam dan luar Negeri Sembilan," katanya.

Dalam pada itu, Muhammad Shafiq berkata, minatnya terhadap si bulus bermula kira-kira dua tahun lalu apabila dia membeli seekor kucing Parsi untuk dihidiahkan kepada isterinya sebagai peneman ketika ketiadaannya di rumah.

Katanya, sebelum berkahwin, dia juga gemar memelihara haiwan tetapi lebih kepada spesies reptilia,



kala jengking, kura-kura sulcata, tarantula dan sebagainya.

"Tetapi, apabila membela kucing, ada sisi kelainan yang saya dapat rasakan kerana ia bagaikan terapi menghilangkan penat selepas seharian bekerja.

"Kini, saya memelihara 50 kucing pelbagai baka seperti 'British Shorthair', 'Sphynx', 'Cornish Rex', 'Scottish Fold', 'Parsi' dan 'Maine Coon,' katanya.

Katanya yang juga graduan Ijazah Sarjana Muda

Kejuruteraan Petroleum, dia tidak keberatan berkongsi tips penjagaan kucing dengan pengunjung.

Ini kerana, katanya, setiap baka kucing mempunyai cara penjagaan yang agak berbeza.

"Contoh, Maine Coon, meskipun saiznya besar dan kelihatan garang, tetapi kita tidak boleh berkasar dengannya.

"Karakter kucing itu sangat manja dan diva, ia akan mencakar jika rasa terancam," katanya.

Pelanggan boleh memberi makan dan bermain dengan 50 kucing pelbagai baka yang ada di sini, selama mana yang mereka suka

MUHAMMAD SHAFIQ



PENGUNJUNG seisi keluarga boleh bersantai dan bermain dengan si bulus.

JAGAAN KETAT MUSIM HUJAN

Haiwan peliharaan perlu ruang kondusif,
elakkan terkena jangkitan penyakit

KUBELA

Oleh Fairul Asmaini Mohd Pilus
asmaini@mediaprima.com.my

Musim hujan bukan sahaja boleh mendatangkan penyakit kepada manusia, malah haiwan peliharaan. Tanpa penjagaan yang teliti, haiwan peliharaan seperti kucing, anjing, arnab, burung, guinea pig dan hamster contohnya, mudah sakit.

Penyakit seperti 'Feline Infectious Peritonitis' (FIP) yang disebabkan oleh 'feline coronavirus' contohnya, mudah menular daripada perkongsian makanan, najis, cecair tubuh serta bersin.

Sekiranya dijangkiti FIP, ia akan menyebabkan haiwan peliharaan mengalami kekejangan, kegagalan organ, penurunan berat badan serta gangguan penglihatan.

Selain itu, cirit-birit juga boleh menyerang haiwan peliharaan ketika musim hujan.

Gejala paling umum adalah najis haiwan



MUSIM hujan bukan sahaja boleh mendatangkan penyakit kepada manusia tetapi juga haiwan peliharaan.

peliharaan berbentuk cecair dan ia kurang selera makan.

Cirit-birit bukan sahaja disebabkan oleh cuaca tidak menentu, tetapi pemakanan tidak sihat serta tabiat haiwan peliharaan yang menjilat air kotor di longkang atau tempat kotor.

Untuk menjaga haiwan peliharaan semasa musim hujan, pastikan ia mendapat tempat perlindungan yang kering dan hangat.

Selain itu, sediakan makanan dan air yang secukupnya dan pastikan haiwan kesayangan anda kekal bersih dan sihat.

Jika haiwan anda terpaksa berada di luar, pastikan ia mempunyai tempat berteduh yang mencukupi untuk berlindung daripada hujan.

Aspek kebersihan tempat haiwan peliharaan juga perlu sentiasa dijaga.

Bersihkan sampah, daun kering dan barang-barang lain yang boleh menjadi tempat tinggal haiwan perosak atau menyebabkan masalah kesihatan.

Sekiranya haiwan peliharaan anda terpaksa

diletakkan di dalam rumah, sediakan mainan untuk memastikan mereka terhibur dan tidak bosan.

Elakkan daripada membuat haiwan peliharaan anda berasa tidak selesa atau takut dengan hujan.

Dalam pada itu, pastikan haiwan kesayangan anda mendapat semua vaksin yang diperlukan, terutamanya terhadap penyakit seperti 'parvo virus' yang boleh menjadi lebih serius semasa musim hujan.

Pastikan juga tempat tinggal haiwan peliharaan anda sentiasa terlindung daripada haiwan liar.

Ini kerana, musim hujan boleh mendorong haiwan serta reptilia seperti tikus dan ular mencari tempat berlindung di rumah anda.

Jadi, pastikan semua celah pada dinding dan bumbung rumah ditutup untuk menghalang ia masuk.

Atau, boleh juga gunakan bahan-bahan di dapur seperti bunga marigold, minyak cengkeh atau kayu manis, bawang putih dan bawang bombay untuk mengusir haiwan berbisu.



PASTIKAN haiwan peliharaan mendapat tempat perlindungan yang kering dan hangat.



CIRIT-birit bukan sahaja disebabkan oleh cuaca tidak menentu tetapi pemakanan tidak sihat sihat.